

**PELAKSANAAN PENTAKSIRAN KERJA KURSUS KEMAHIRAN HIDUP
BERSEPADU DI SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR DAERAH
KUANTAN, PAHANG**

ZAMIYAH BINTI ALI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **PELAKSANAAN PENTAKSIRAN KERJA KURSUS
KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU DI SEKOLAH
MENENGAH LUAR BANDAR DAERAH KUANTAN,
PAHANG**

SESI PENGAJIAN: **2007/2008**

Saya **ZAMIYAH BINTI ALI**

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan: (√)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

**39K, KG. SERI DAMAI,
BATU 7, JLN GAMBANG,
25150 KUANTAN, PAHANG.**

DR. MOHD ANUAR ABDUL RAHMAN

Nama Penyelia


Tarikh: **21 APRIL 2008**

Tarikh: **28 APRIL 2008**

CATATAN:

- * Potong yang tidak berkenaan.
- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). ”

Tandatangan : 
Nama Penyelia : DR. MOHD ANUAR BIN ABDUL RAHMAN
Tarikh : 28 APRIL 2008

**PELAKSANAAN PENTAKSIRAN KERJA KURSUS KEMAHIRAN HIDUP
BERSEPADU DI SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR DAERAH
KUANTAN, PAHANG**


ZAMIYAH BINTI ALI

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan
(Kemahiran Hidup)**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL 2008

“ Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. ”

Tandatangan : 

Nama Penulis : ZAMIYAH BINTI ALI

Tarikh : 21 APRIL 2008

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.
Selawat dan salam ke atas Junjungan Nabi Muhamad S.A.W.

**Istimewa buat ayahanda dan bonda tercinta
Allahyarham Ali bin Abdullah
Selma binti Ibrahim**

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh ayahanda dan memberi
kesejahteraan kepada bonda

Buat adik-beradik tersayang yang sentiasa
memberi sokongan moral dan material

Buat rakan-rakan seperjuangan yang bersama-sama mengharungi lautan
dugaan dalam meniti sebuah kejayaan duniawi.

Buat rakan-rakan setugas yang kerap memberi dorongan untukku
melangkah sejauh ini.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya serta taufik dan hidayahNya dapatlah penulis menyempurnakan kajian dan penulisan tesis ini.

Setinggi ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr. Mohd Anuar bin Abdul Rahman selaku penyelia projek ini di atas segala komitmen, kesabaran, bimbingan, nasihat, dorongan dan sokongan yang diberikan kepada penulis dalam melaksanakan projek ini.

Seterusnya penghargaan dan terima kasih diberikan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Pahang dan Pejabat Pelajaran Daerah Kuantan yang telah memberi maklumat dan kebenaran kepada penulis melaksanakan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak pentadbir sekolah dan guru-guru yang terlibat sebagai responden kerana telah memberikan kerjasama dalam membantu menyempurnakan soal selidik bagi menjayakan projek ini.

Akhir sekali, penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu, memberi pendapat dan memberi tunjuk ajar serta sumbangan idea dalam menjayakan projek ini. Juga tidak dilupakan kepada ahli keluarga yang banyak memberi sokongan moral serta mendoakan kejayaan penulis selama ini.

Semoga Allah memberkati kita semua dan menerima amal kita semua.

ABSTRAK

Pentaksiran Kerja Kursus KHB adalah salah satu bentuk format penilaian dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang menjadi teras untuk menjana modal insan yang cemerlang. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran, sikap dan bentuk masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB semasa melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB di sekolah menengah luar bandar daerah Kuantan. Responden kajian terdiri daripada 63 orang guru yang mengajar mata pelajaran KHB dan terlibat dalam Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang dibina berdasarkan Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB dan telah diuji dengan nilai realibiti 0.89. Analisis data dibuat menggunakan perisian SPSS versi 14.0 untuk mendapatkan frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan pengujian hipotesis melalui ujian-t. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru KHB mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang sederhana tinggi serta mempunyai sikap yang positif dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB ialah tidak mempunyai masa mencukupi untuk menyelia dan membimbing pelajar serta mengganggu proses melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB mengganggu tugas-tugas lain. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap antara jantina dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB di peringkat PMR.

ABSTRACT

The KHB Coursework Assessment is a form the School Based Assessment that has become a core to generate excellent individuals. The purpose of this descriptive research is to identify the level of knowledge, skills, attitude and the problems faced by the KHB teachers in implementing the KHB Coursework Assessment in secondary schools of rural area in Kuantan district. Respondent for this research consist of 63 KHB teachers are involved the KHB Coursework Assessment. The instrument of this research was a questionnaire, which was built based on the KHB Coursework Assessment Document, and was tested with a reliability value was 0.89. The data was analyzed by using SPSS application version 14.0 to obtain the frequency, percentage, mean, standard deviation and hypothesis testing through the t-test. The finding of the research showed that KHB teachers have a high moderate the level of knowledge and skills and they have a positive attitude in implementing the KHB Coursework Assessment. The problems faced by teachers are haven't enough time in supervising and guiding students and assumed that implementing the KHB Coursework Assessment is disturbing their other work. The finding of the research also showed that there were no significant in level of knowledge, skills and attitude based on gender in implementing the KHB Coursework Assessment. Based on the finding of the research, several suggestions were given to improve the effectiveness of implementation the KHB Coursework Assessment at PMR level.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI SIMBOL	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Hipotesis	9
	1.7 Rasional Kajian	9
	1.8 Kepentingan Kajian	10
	1.9 Skop dan Batasan Kajian	11
	1.10 Definisi Istilah dan Operasional	11
	1.10.1 Guru	11
	1.10.2 Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB)	12

	1.10.3 Kerja Kursus	12
	1.10.4 Pentaksiran Kerja Kursus	13
	1.10.5 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	13
	1.10.6 Penilaian Menengah Rendah (PMR)	13
	1.10.7 Pengetahuan	14
	1.10.8 Kemahiran	14
	1.10.9 Sikap	14
	1.10.10 Masalah	15
	1.11 Penutup	15
2	TINJAUAN PENULISAN	16
	2.1 Pengenalan	16
	2.2 Latar Belakang Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah Menengah	16
	2.3 Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu	20
	2.4 Pentaksiran Berasaskan Sekolah	22
	2.4.1 Konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah	23
	2.4.2 Pentaksiran Kerja Kursus Dalam PBS	25
	2.5 Persediaan Guru-guru KHB Dalam Pentaksiran Kerja Kursus KHB	29
	2.5.1 Persediaan Dari Segi Pengetahuan	29
	2.5.2 Persediaan Dari Segi Kemahiran	31
	2.5.3 Persediaan Dari Segi Sikap	32
	2.6 Masalah Dalam Pentaksiran Kerja Kursus KHB	34
	2.7 Penutup	36
3	METODOLOGI KAJIAN	37
	3.1 Pengenalan	37
	3.2 Reka Bentuk Kajian	38
	3.3 Persampelan	38
	3.4 Instrumen Kajian	39
	3.5 Kajian Rintis	42
	3.6 Prosedur Kajian	43
	3.7 Penganalisisan Data	44

3.8	Penutup	45
4	ANALISIS DATA	46
4.1	Pengenalan	46
4.2	Latar Belakang Responden	47
4.3	Dapatan Berdasarkan Persoalan Kajian	52
4.3.1	Tahap Pengetahuan Guru-guru KHB Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	52
4.3.2	Tahap Kemahiran Guru-guru KHB Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	54
4.3.3	Sikap Guru-guru KHB Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	56
4.3.4	Bentuk Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-guru KHB Semasa Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	58
4.4	Analisis Berdasarkan Hipotesis	61
4.4.1	Ho1 : Tidak Terdapat Perbezaan Tahap Pengetahuan Antara Guru Lelaki Dan Guru Perempuan Dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	62
4.4.2	Ho2 : Tidak Terdapat Perbezaan Tahap Kemahiran Antara Guru Lelaki Dan Guru Perempuan dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	62
4.4.3	Ho3 : Tidak Terdapat Perbezaan Sikap Antara Guru Lelaki dan Guru Perempuan Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	63
4.5	Penutup	64

5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	65
	5.1 Pengenalan	65
	5.2 Rumusan Kajian	65
	5.3 Perbincangan Dan Kesimpulan	68
	5.3.1 Tahap Pengetahuan Guru-guru KHB Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	68
	5.3.2 Tahap Kemahiran Guru-guru KHB Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	71
	5.3.3 Sikap Guru-guru KHB Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	74
	5.3.4 Bentuk Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-guru KHB semasa Melaksanakan Pentaksiran Kursus KHB	75
	5.4 Cadangan Kajian	77
	5.4.1 Cadangan Tindakan	77
	5.4.1.1 Guru	78
	5.4.1.2 Pihak Pentadbir sekolah	78
	5.4.1.3 Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah	79
	5.4.1.4 Kementerian Pelajaran Malaysia	79
	5.4.2 Cadangan Kajian Lanjutan	80
	5.5 Penutup	80
	RUJUKAN	82
	LAMPIRAN A - F	86 - 112

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Modul Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu	5
2.1	Peringkat Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	26
2.2	Gred pelaporan dalam PBK	27
2.3	Gred dalam PBK mengikut unit numerik	27
2.4	Keratan Panduan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	28
3.1	Nama sekolah menengah dan jumlah guru KHB	39
3.2	Taburan item mengikut persoalan kajian	41
3.3	Skor Skala Lima Mata	42
3.4	Nilai Statistik Alpha Cronbach	43
3.5	Interpretasi data bagi tahap penilaian nilai min	44
4.1	Bilangan soal selidik yang diedarkan dan dikembalikan semula	47
4.2	Bilangan responden mengikut jantina	48
4.3	Bilangan responden mengikut kelulusan Akademik	48
4.4	Bilangan responden mengikut pengkhususan (opsyen)	49
4.5	Bilangan responden mengikut bilangan kelas KHB yang diajar	49

4.6	Bilangan responden mengikut pengalaman mengajar mata pelajaran KHB	50
4.7	Bilangan responden mengikut pengalaman mengendalikan Penilaian Kerja Kursus KHB	50
4.8	Bilangan responden mendapat pendedahan maklumat tentang Pentaksiran Kerja Kursus KHB	51
4.9	Bilangan responden yang mengajar mata pelajaran lain selain daripada KHB	51
4.10	Data analisis tahap pengetahuan guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	53
4.11	Data analisis tahap kemahiran guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	55
4.12	Data analisis sikap guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	57
4.13	Data analisis bentuk masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB semasa melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB	59
4.14	Analisis perbezaan tahap pengetahuan dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB berdasarkan jantina	62
4.15	Analisis perbezaan tahap kemahiran dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB berdasarkan jantina	63
4.16	Analisis perbezaan sikap dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB berdasarkan jantina	63

SENARAI SINGKATAN

PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum
PBS	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
KHB	-	Kemahiran Hidup Bersepadu
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
LPM	-	Lembaga Peperiksaan Malaysia
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
PBK	-	Penggredan Berdasarkan Kriteria
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMA	-	Sekolah Menengah Agama
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
KS	-	Kurang Setuju
S	-	Setuju
SS	-	Sangat Setuju
EPRD	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
DR.	-	Doktor
Sig.	-	Signifikan
Ho	-	Hipotesis

SENARAI SIMBOL

f	-	Frekuensi
%	-	Peratus
α	-	Alfa

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Soal Selidik	86
B	Surat Kebenaran EPRD	93
C	Surat Kebenaran JPN Pahang	94
D	Surat Kebenaran UTM	95
E	Surat Pengesahan Soal Selidik	96
F	Nilai Alpha Kajian Rintis	97
G	Nilai Data Analisis	98

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan yang mantap dan berkesinambungan dapat melahirkan generasi muda sebagai modal insan yang berwibawa, berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan. Menurut Datuk Seri Abdullah dalam perutusan buku Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010, pembangunan modal insan amat bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara yang juga perlu mampu membangunkan modal insan bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika tinggi (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006). Justeru itu pendidikan adalah sangat penting kepada golongan pelajar sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan dapat memberikan sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

Melalui sistem pendidikan golongan intelek, pemimpin dan usahawan yang bijak, berketerampilan serta berwawasan dalam mengharungi arus pembangunan negara secara global dapat dilahirkan. Dalam konteks ini pendidikan yang hendak diterapkan kepada golongan pelajar mestilah dapat membentuk sahsiah, mempunyai masa depan dan boleh memenuhi keperluan dan aspirasi negara serta selari dengan usaha kerajaan untuk membina masyarakat yang inovatif dengan keupayaan dalam

bidang sains dan teknologi yang kukuh serta mempunyai sistem nilai yang boleh diteladani (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006).

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu merupakan salah satu mata pelajaran yang digubal selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran teknologi dan keusahawanan di kalangan pelajar dengan membekalkan kemahiran yang berguna dan berfungsi agar pelajar boleh bertindak dan mengendalikan kehidupan harian secara produktif dalam dunia teknologi dan industri yang kompleks dan sentiasa berubah. Pelajar dipupuk supaya bersikap positif seperti menghargai kerja yang berkualiti tinggi, berinovasi dalam pembinaan projek, berkeyakinan, berinisiatif dan berdikari (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

Kurikulum mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu diperkenalkan pada tahun 1989, setelah 13 tahun dilaksanakan kurikulum ini disemak semula oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) pada tahun 2002 dengan beberapa perubahan pada bahagian teras dan pilihan. Bahagian teras merangkumi topik Reka Bentuk dan Teknologi yang mengandungi tajuk Organisasi Bengkel dan Keselamatan, Reka Cipta, Reka Bentuk dan Penghasilan Projek, Elektrik, Elektronik, Kerja Paip, Lukisan Teknik, Jahitan, Masakan, Tempat Kediaman dan Tanaman Hiasan. Bahagian pilihan terdiri daripada Kemahiran Teknikal (Pilihan 1), Ekonomi Rumah Tangga (Pilihan 2), Pertanian (Pilihan 3) serta Perdagangan dan Keusahawanan (Pilihan 4). Perubahan ini adalah sebahagian daripada usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk memantapkan sistem pendidikan (PPK, 2002).

Untuk merealisasikan matlamat mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu bagi melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berinisiatif dan yakin diri, maka pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam bentuk aktiviti dan kerja amali. Kaedah ini amat bertepatan dengan fokus pembangunan modal insan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk meningkatkan keupayaan dan minat pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran di samping dapat membentuk keterampilan dan keperibadian pelajar (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006). Kerja amali yang dijalankan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) melibatkan

aspek penilaian iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirnya terdiri daripada guru-guru mata pelajaran, aspek penilaian dilakukan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Datuk Dr. Ahamad Sipon, bekas Pengarah Pelajaran Malaysia dalam perutusan sempena Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2007 :

PBS adalah satu usaha untuk menjana modal insan yang cemerlang, oleh itu guru wajar mengenal pasti potensi pelajar dan mengembangkannya. PBS adalah satu kaedah terbaik kerana guru sentiasa berada di barisan hadapan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah serta mengenali pelajarinya.

(Syuhada Choo Abdullah, Berita Harian, 12 Mei 2007)

PBS dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Demi menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisme penyelarasan dan pemantauan dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. PBS bagi mata pelajaran KHB adalah berbentuk Pentaksiran Kerja Kursus yang menilai proses dan hasil kerja kursus pelajar dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga untuk Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pentaksiran Kerja Kursus adalah bersifat formatif iaitu mengutamakan kemajuan setiap pelajar dari segi proses peningkatan pembelajaran.

Dalam pengendalian Pentaksiran Kerja Kursus KHB, Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) menyediakan panduan Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB yang berkaitan dengan tugas dan projek, aspek yang dinilai, sistem penilaian dan kriteria penilaian. Sementara pihak sekolah memberi panduan kepada pelajar dalam melaksanakan kerja kursus, menyediakan kemudahan, peralatan dan bahan, membuat penilaian dan melaporkan gred pencapaian pelajar. Pentaksiran Kerja Kursus KHB dapat menilai kebolehan sebenar pelajar dalam pencapaian kemahiran praktis secara lebih sah berbanding ujian bertulis kerana penilaian dilakukan sendiri oleh guru mata pelajaran melalui pemerhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

1.2 Latar Belakang Masalah

Penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek penting yang dapat membantu meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di samping dapat mencungkil potensi dan bakat pelajar. Guru perlu menjalankan penilaian secara berterusan untuk membentuk perkembangan pelajar secara menyeluruh dan seimbang. Penilaian secara berterusan boleh dibuat melalui berbagai cara seperti pemerhatian proses dan hasil tugas pelajar (Yap Yee Khiong, Wan Chwee Seng dan Ismail, 1985).

Dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) pentaksiran bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) menggunakan dua instrumen iaitu Kertas Satu berbentuk peperiksaan bertulis yang perlu diambil oleh pelajar mengikut jadual peperiksaan PMR semasa di Tingkatan Tiga dan Kertas Dua berbentuk kerja kursus yang perlu dilaksanakan oleh pelajar secara berterusan sepanjang tempoh pembelajaran dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga. Kerja kursus merupakan satu proses pengukuran yang dilakukan oleh guru di mana pelajar diberi tugas tertentu untuk dilakukan dalam suasana pengajaran dan pembelajaran. Pemarkahan kerja kursus dijalankan oleh guru mengikut sistem Penggredan Berdasarkan Kriteria. Penggredan Berdasarkan Kriteria ialah satu kaedah menyatakan prestasi calon berdasarkan pencapaiannya dalam sesuatu aspek yang diukur (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2005).

Pentaksiran Kerja Kursus KHB ini memperuntukkan 40 peratus markah yang mengambil kira aspek kemahiran amali dan nilai. Pentaksiran Kerja Kursus KHB dilakukan oleh guru mata pelajaran dengan penyeliaan oleh jawatankuasa yang dilantik oleh Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah. Pentaksiran Kerja Kursus KHB ini adalah termaktub dalam elemen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Menurut pekeliling Lembaga Peperiksaan Malaysia bertarikh 1 Mac 2007, PBS dalam PMR 2007 bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dilaksanakan oleh pelajar semasa di Tingkatan Satu dari bulan Januari hingga Disember 2005 bagi modul 1, semasa di Tingkatan Dua dari bulan Januari hingga Disember 2006 bagi modul 2 dan 3 dan semasa di Tingkatan Tiga dari bulan Januari hingga Julai 2007 bagi modul 4.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu adalah berdasarkan empat modul kerja kursus yang perlu dilaksanakan oleh semua pelajar yang menjadi alat pengukuran dalam PBS. Setiap modul diperuntukkan 10 peratus markah dan jumlah markah keseluruhan adalah 40 peratus. Pengendalian markah Pentaksiran Kerja Kursus KHB ini menggunakan borang pentaksiran individu dan borang pentaksiran kelompok oleh guru mata pelajaran dan ianya akan dilaporkan untuk dihantar ke LPM. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan modul pentaksiran bagi Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu.

Jadual 1.1 : Modul Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu

Modul Pentaksiran			
Tingkatan 1	Tingkatan 2		Tingkatan 3
Modul 1	Modul 2	Modul 3	Modul 4
10 %	10 %	10 %	10 %

(Ubahsuai daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2005)

Kejayaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah amat bergantung kepada kerjasama dan komitmen yang berterusan daripada pegawai-pegawai di LPM, guru-guru yang dilantik sebagai Pentaksir Kebangsaan, Pentaksir Negeri, Ketua Pentaksir Kawasan dan Pentaksir Sekolah. Untuk menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisme penyelarasan dan pemantauan dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah.

Mengikut Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB PMR 2005 - 2007, proses pengukuran dalam kerja kursus melibatkan 4 modul dibuat berdasarkan kemahiran amali, kemahiran komunikasi, kemahiran mereka cipta dan kemahiran mentaksir berdasarkan proses kerja, bukti dalam bentuk projek, folio serta laporan pengakuan amali pelajar. Terdapat 20 aspek yang perlu dinilai iaitu 10 aspek bahagian teras dan 10 aspek bahagian elektif berdasarkan 80 kriteria untuk menilai projek semasa pelajar melakukan proses kerja amali. Dalam Pentaksiran Kerja Kursus KHB ini guru perlu melaporkan tahap pencapaian calon menggunakan sistem Penggredan Berdasarkan Kriteria.

Sungguhpun Lembaga Peperiksaan Malaysia menyediakan Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu di peringkat PMR serta mengadakan sesi taklimat kepada guru-guru KHB secara berperingkat-peringkat, namun wujud persoalan tentang kejujuran dan sikap profesional guru dalam melaksanakan kaedah pentaksiran. Menurut Datuk Mahadzir Mohd Khir, bekas Timbalan Menteri Pelajaran, guru-guru perlu lebih bersifat profesional agar sistem pentaksiran dapat dilaksanakan secara telus, seragam dan adil serta tidak memihak kepada mana-mana individu (Mohd Feroz Abu Bakar, Berita Harian 9 Februari 2006).

Dalam hal ini, bekas Pengarah Pelajaran Malaysia Datuk Dr. Ahamad Sipon, juga berharap guru-guru perlu peka terhadap perkembangan dan keperluan mutakhir dalam sistem pendidikan serta berusaha melengkapkan diri dengan kemahiran baru, guru yang alpa serta tidak mengikuti perkembangan semasa dikhuatiri menjadi tidak efisien dan efektif dalam pengajaran. Kesan daripada sikap guru sebegini, terdengar rungutan tentang guru yang terlalu banyak kerja tambahan sehingga ada kalanya pelajar yang tidak menyiapkan tugas pun diberi markah dalam pentaksiran kerja kursus (Syuhada Choo Abdullah, Berita Harian 12 Mei 2007).

Di samping itu wujud juga persoalan tentang tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB serta waktu membuat pentaksiran adakah semasa proses kerja pelajar atau setelah proses kerja selesai. Juga apakah setiap guru yang membuat penilaian akan memberikan penterjemahan yang sama ke atas kriteria pentaksiran yang digunakan. Berdasarkan kriteria yang digunakan untuk penilaian, pernyataan bersifat agak subjektif di mana setiap individu mungkin mempunyai pandangan yang berbeza untuk item yang sama seperti ketetapan menggunakan alat yang betul, kemas dan menarik.

Pengetahuan, kemahiran dan sikap guru yang berbeza ini mungkin boleh menjejaskan keesahan penilaian, di samping itu dari sudut pandangan pelajar ianya boleh menimbulkan ketidakadilan. Tambahan pula guru perlu memperuntukkan masa lebih kepada pengajaran dan pembelajaran yang membabitkan Pentaksiran Kerja Kursus KHB sementara topik lain kurang diberi penekanan dan ini mungkin memberi kesan kepada proses pembelajaran kepada pelajar. Di samping itu guru-

guru KHB yang juga terpaksa meluangkan masa yang lama untuk mengajar sesuatu kemahiran untuk dinilai agar semua pelajar dapat menguasainya serta untuk menentukan kesediaan pelajar beralih ke topik yang lain.

1.3 Penyataan Masalah

Sistem PBS bukanlah perkara baru bagi warga pendidik, pendekatan ini telah pun diamalkan secara berperingkat-peringkat oleh sekolah terutamanya yang melibatkan mata pelajaran bersifat amali seperti KHB. Sungguhpun begitu pelaksanaan sistem PBS memberi cabaran besar kepada guru-guru KHB yang dilantik sebagai pentaksir kerana Pentaksiran Kerja Kursus dalam KHB adalah aspek penting dalam menentukan kejayaan pelajar memperolehi gred yang baik dalam PMR.

Pentaksiran Kerja Kursus KHB melibatkan penghasilan empat modul kerja kursus yang perlu dilaksanakan oleh pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga. Sepanjang tempoh tiga tahun guru KHB sebagai pentaksir memikul tanggungjawab yang besar memastikan proses pentaksiran selesai sehingga pelaporan pemarkahan kepada LPM. Oleh itu, kajian ini cuba untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan tentang tahap kesediaan guru-guru KHB dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Kajian ini juga cuba mendapatkan jawapan kepada persoalan tentang masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB di kalangan guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah menengah luar bandar daerah Kuantan, Pahang.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Menenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.
- ii. Menenal pasti bentuk masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB semasa melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.
- iii. Melihat perbezaan pengetahuan, kemahiran dan sikap antara guru lelaki dan guru perempuan terhadap pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan utama dalam kajian ini ialah :

- i. Apakah tahap pengetahuan guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB?
- ii. Apakah tahap kemahiran guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB?
- iii. Apakah sikap guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB?
- iv. Apakah bentuk masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB semasa melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB?
- v. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap di antara guru lelaki dan guru perempuan dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB?